



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
(CHIEF EXECUTIVE OFFICER/DIRECTOR GENERAL OF INLAND REVENUE)
IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
MENARA HASIL, ARAS 18
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8
63000 CYBERJAYA
SELANGOR

Telefon : 03-83138888
Faks : 03-83137801
: 03-83137802
: 03-83137803
: 03-83137804
: 03-83137805
: 03-83137806

Laman Web: <http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Tuan: TC-DT/IRBM/Tax Agent Licensing
Ruj. Kami: LHDN.01/32.1/193/31

Tarikh: **20** Oktober 2014

Presiden
Chartered Tax Institute Of Malaysia (CTIM),
Unit B-13-1, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II,
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.
u.p. Encik Aruljothi A/L Kanagaretnam

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Malaysia (MIA),
Dewan Akauntan No. 2,
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields,
50470 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA),
15, Jalan Medan Tuanku,
50300 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA),
Pejabat Sekretariat MATA,
27-1, Blok 1D, Jalan Wangsa Delima 12, Wangsa Link, Pusat Bandar Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA),
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City,
Lingkaran Syed Putra,
59200 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS),
No. 23A, 1st Floor,
Jalan SS 24/11, Taman Megah,
47301 Petaling Jaya, Selangor.

Presiden,
Institute of Cooperative and Management Accountants (ICMA)
No. 14M, Jalan Zirkon E7, Seksyen 7
40000 Shah Alam
Selangor

Bekas Pegawai Hasil
Unit 19A-23-5, Business Suite, OUA Centre
19 Jalan Pinang,
50450 Kuala Lumpur

CPA Australia
Suite 10.01, Level 10, The Gardens South Tower, Mid Valley City
Lingkar Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tuan,

**EJEN CUKAI DI BAWAH KELULUSAN SEKSYEN 153(3), AKTA CUKAI
PENDAPATAN YANG BERURUSAN DENGAN PEGAWAI LEMBAGA HASIL DALAM
NEGERI MALAYSIA (LHDNM)**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Lanjutan daripada surat tuan bertarikh 30 September 2014, adalah dimaklumkan bahawa LHDNM perlu mengambil tindakan tegas untuk menguatkuasakan peruntukan tersebut seperti yang telah ditetapkan melalui mesyuarat DESIRE bil.1/2014 pada 10 Jun 2014 di mana hanya ejen cukai atas nama individu yang mempunyai nombor kelulusan dan surat Kelulusan Ejen Cukai di bawah seksyen 153(3), Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 sahaja yang dibenarkan untuk berurusan, baik secara hadir atau surat-menyurat, dengan pegawai-pegawai LHDNM.

3. Penguatkuasaan ini telah dirujuk dengan Jabatan Undang-undang LHDNM terlebih dahulu yang berpandangan bahawa penguatkuasaan ini tidak bercanggah dengan peruntukan tersebut. Apabila peruntukan subseksyen 153(1) dan proviso dibaca bersama, seseorang pekerja syarikat atau firma cukai yang mewakili dan bertindak bagi pihak pembayar cukai mestilah **seorang ejen cukai yang sah dan diluluskan oleh Menteri Kewangan.**

4. Di samping itu, penguatkuasaan tersebut adalah selari dengan Kementerian Kewangan yang mengeluarkan Surat Kelulusan Ejen Cukai di bawah Seksyen 153(3), ACP 1967 atas nama dan nombor kelulusan individu bukan atas nama firma.

5. Di antara matlamat penguatkuasaan ini adalah untuk menggalakkan bakal-bakal ejen cukai yang layak, berpengetahuan, berpengalaman dan kompeten tentang percukaian, untuk membuat permohonan kelulusan ejen cukai di bawah seksyen 153(3), Akta Cukai Pendapatan 1967. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan bilangan ejen-ejen cukai yang kompeten sedia ada dalam pasaran di mana nisbah pembayar cukai kepada ejen cukai akan meningkat.

6. Penguatkuasaan ini juga dilihat untuk membendung atau mencegah aktiviti ejen cukai yang menjalankan amalan sebagai ejen cukai tanpa kelulusan (*bogus tax agent*) yang memberikan perkhidmatan berbayar kepada pembayar cukai tanpa mengambil sikap bertanggungjawab sepenuhnya sebagaimana ditetapkan dalam kod etika ejen cukai.


7. LHDNM amatlah berbesar hati kepada pihak badan-badan profesional yang dapat memberikan sokongan padu sepenuhnya kepada LHDNM atas usaha-usaha untuk melaksanakan penguatkuasaan tersebut

8. Peraturan ini akan dikuatkuasa mulai 01 Disember 2014.

9. Kesediaan Persatuan memberikan kerjasama untuk membuat hebahan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”



[DATUK SABIN BIN SAMITAH]
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

s.k.

1. Pengarah Jabatan Operasi Cukai
2. Pengarah Jabatan Pungutan Hasil
3. Pengarah Jabatan Pemproses Makumat



IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN OPERASI CUKAI
MENARA HASIL, ARAS 12
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8,
63000 CYBERJAYA
SELANGOR

Telefon : 03-83138888

Faks : 03-83137853

: 03-83137854

: 03-83137855

Laman Web: <http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Tuan : TC-DT/IRBM/Tax Agent Licensing

Ruj. Kami : LHDN.01/32.1/193/31

Tarikh : **10** November 2014

Presiden
Chartered Tax Institute Of Malaysia (CTIM),
Unit B-13-1, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II,
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.
u.p. Encik Aruljothi A/L Kanagaretnam

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Malaysia (MIA),
Dewan Akauntan No. 2,
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields,
50470 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA),
15, Jalan Medan Tuanku,
50300 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA),
Pejabat Sekretariat MATA,
27-1, Blok 1D, Jalan Wangsa Delima 12, Wangsa Link, Pusat Bandar Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA),
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City,
Lingkaran Syed Putra,
59200 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS),
No. 23A, 1st Floor,
Jalan SS 24/11, Taman Megah,
47301 Petaling Jaya, Selangor.

Presiden,
Institute of Cooperative and Management Accountants (ICMA)
No. 14M, Jalan Zirkon E7, Seksyen 7
40000 Shah Alam
Selangor

Bekas Pegawai Hasil
Unit 19A-23-5, Business Suite, OUA Centre
19 Jalan Pinang,
50450 Kuala Lumpur

CPA Australia
Suite 10.01, Level 10, The Gardens South Tower, Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur , Malaysia

Tuan,

PENJELASAN TAMBAHAN EJEN CUKAI DI BAWAH KELULUSAN SEKSYEN 153(3), AKTA CUKAI PENDAPATAN YANG BERURUSAN DENGAN PEGAWAI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Lanjutan daripada surat LHDNM bertarikh 20 Oktober 2014 sebagai maklum balas surat tuan bertarikh 30 September 2014, adalah dimaklumkan bahawa LHDNM ingin memberikan penjelasan lanjut berhubung maksud pernyataan “hanya ejen cukai atas nama individu yang mempunyai nombor kelulusan dan surat Kelulusan Ejen Cukai di bawah seksyen 153(3), Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 sahaja yang dibenarkan untuk berurusan, baik secara hadir atau surat-menyurat, dengan pegawai-pegawai LHDNM”.

3. Ejen cukai yang diluluskan di bawah S.153(3), Akta Cukai Pendapatan 1967 hendaklah menampilkkan surat kelulusan tersebut baik secara hadir atau bertulis melalui urusan surat-menyurat bagi segala urusan yang berkaitan dengan

- i. penyediaan BNCP pelanggan ejen cukai,
- ii. pengiraan cukai untuk pelanggan ejen cukai,
- iii. penyediaan jawapan balas atas pertanyaan isu penemuan audit cukai baik secara lisan/bertulis yang dikemukakan oleh pegawai audit LHDNM, dan
- iv. semua urusan dengan pegawai penyiasat Cawangan Siasatan berkaitan kes-kes penyiasatan.

4. Bagi urusan-urusan yang selain dari yang di atas, pekerja/kakitangan atau wakil sah syarikat/firma kepada ejen cukai yang diluluskan di bawah S.153(3), Akta Cukai Pendapatan 1967, dibolehkan untuk berurusan dengan pihak LHDNM secara hadir sahaja contohnya menghantar surat-menyurat bagi pihak Syarikat / Firma.

5. Syarikat/firma ejen cukai tersebut hendaklah mengeluarkan surat pengesahan (*authorisation letter*) kepada pekerja/kakitangan atau wakil sah syarikat/firma ejen cukai untuk dikemukakan sewaktu berurusan dengan pegawai-pegawai LHDNM.

6. Kesiediaan Persatuan memberikan kerjasama untuk membuat hebahan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”



[MOHD IDRIS BIN MAMAT]

Pengarah

Jabatan Operasi Cukai

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Lembaga hasil Dalam Negeri Malaysia.